



Kenyataan Media

CYBERJAYA

2 Februari 2023

MCMC DAN SARAWAK DIGITAL ECONOMY CORPORATION (SDEC) AMBIL LANGKAH INTERIM BAGI MENGATASI KEPERLUAN CAPAIAN INTERNET DI KAMPUNG SEMAWA, PANTU, SARAWAK

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mengambil maklum isu menara telekomunikasi yang tidak berfungsi di Kampung Semawa, Pantu di Sarawak bagi tempoh lama seperti yang diketengahkan oleh pengguna media sosial baru-baru ini.

Berdasarkan maklumat yang diterima, menara telekomunikasi yang dimaksudkan oleh pengadu adalah menara telekomunikasi di bawah projek pembinaan yang dikendalikan Kerajaan Negeri. Pembinaan struktur menara yang terletak 4.5 km dari Pekan Pantu tersebut telah siap dan kini di peringkat akhir rundingan komersil dengan pihak penyedia perkhidmatan seperti CelcomDigi, Maxis dan U Mobile bagi penyediaan kemudahan perkhidmatan talian mudah alih 4G di menara tersebut.

Pihak MCMC telah melaksanakan fasilitasi bagi memudahkan proses rundingan antara pihak penyedia kemudahan perkhidmatan dan pihak *Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC)*, sebuah syarikat kerajaan negeri Sarawak (GLC) yang bertanggungjawab melaksanakan projek pembangunan menara telekomunikasi dan dibiayai kerajaan Sarawak. Menara telekomunikasi di kawasan tersebut disasarkan untuk beroperasi dengan perkhidmatan 4G sebelum penghujung tahun ini.

Sebagai langkah interim, pihak SDEC sedang melaksanakan pemasangan peralatan perkhidmatan Wi-Fi di bawah inisiatif *Sarawak Rural Broadband Network (MySRBN)* di menara tersebut bagi membolehkan penyediaan

perkhidmatan Wi-Fi untuk komuniti sekitar Kampung Semawa, Pantu, Sarawak. Penyediaan kemudahan Wi-Fi tersebut dijangka siap sepenuhnya sebelum hujung Mac 2023.

Di bawah inisiatif JENDELA Fasa 1 pula, sejumlah 10 menara telekomunikasi baharu sedang dibangunkan di daerah Sri Aman pada tahun ini. Menara-menara ini dijangka siap dan mula beroperasi secara berperingkat sehingga suku keempat 2023.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV